

**Ali Rustam pertimbang bertanding Naib Presiden Umno**  
**Malaysian Insider**  
**Aug 27 , 2013**  
**OLEH HASBULLAH AWANG CHIK**

Bekas Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam akan mempertimbangkan untuk bertanding jawatan Naib Presiden Umno pada pemilihan parti tahun ini.

Mohd Ali berkata, tiada keperluan untuk dirinya bertanding merebut jawatan timbalan presiden Umno kerana jawatan itu dan presiden disepakati supaya tiada pencalonan bagi mencabar Datuk Seri Najib Razak dan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"Saya masih belum membuat keputusan untuk bertanding jawatan naib presiden namun akan mempertimbangkannya.

"Jawatan presiden dan timbalan presiden tidak wajar diganggu gugat kerana ini bertujuan bagi memastikan Umno kuat dan kukuh," katanya ketika ditemui pemberita hari ini.

Mohd Ali, 63, dipilih sebagai Naib Presiden Umno pada pemilihan 2004, bagaimanapun tidak dibenarkan bertanding jawatan Timbalan Presiden pada pemilihan 2009 selepas didapati melanggar peraturan pemilihan Umno.

Media melaporkan Datuk Seri Hishammuddin Hussein memaklumkan beliau akan bertanding merebut jawatan Naib Presiden Umno menjadikannya wakil tunggal dari Johor yang mengumumkan untuk merebut jawatan berkenaan.

Pengerusi Felda, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad turut mengesahkan akan bertanding jawatan Naib Presiden pada pemilihan Umno Oktober ini.

Mohd Isa berkata, beliau berharap akan mendapat sokongan daripada anggota Umno dalam meneruskan sumbangan untuk memantapkan parti terutama dalam menghadapi Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

"Apa yang saya miliki terutama dari segi pengalaman dan kebolehan dapat membantu mengurus parti untuk menghadapi PRU-14.

"Sebagai orang lama, memang saya ada sedikit sebanyak pengalaman. Kalau boleh saya bantu pucuk pimpinan parti apabila berada di mainstream ini amat penting kerana semua berhasrat mengukuhkan parti," katanya sebelum ini.

Perebutan jawatan Naib Presiden Umno dijangka akan menghangatkan lagi persaingan jawatan yang kini disandang oleh Datuk Seri Zahid Hamidi, Hishamuddin dan Datuk Seri Shafie Apdal.

Ahmad Zahid dan Shafie turut mengumumkan akan mempertahankan jawatan itu.

Selain itu, Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman berhasrat untuk merebut jawatan itu. - 27 Ogos, 2013.

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ali-rustam-pertimbang-bertanding-naib-presiden-umno>